



PANEL dan peserta Dialog Karyawan dan Seniman.



JENAR ketika menyampaikan makalahnya.



LALIMAN sedang menyampaikan ucapan.

Enam resolusi Dialog Karyawan dan Seniman

Oleh ABD.NADDIN HJ.SHAIDDIN

abd.naddin@yahoo.com

UB 04.11.2012 B5

ENAM RESOLUSI penting telah dipersetujui dan disepakati dalam Dialog Karyawan dan Seniman yang diadakan pada 28 Oktober lepas di Sudut Penulis Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) cawangan Sabah.

Karyawan dan seniman yang hadir dalam majlis anjuran Persatuan Kreativiti dan Inovasi Sabah dengan kerjasama Ikatan Penulis Sabah (IPS) sebulat suara mengambil keputusan dan ketetapan iaitu;

1. Menggesa agar kerajaan negeri Sabah mengujudkan dana khas bagi membantu persatuan-persatuan bukan kerajaan [NGO] yang bergiat dalam bidang Kesusasteraan, Kebudayaan, Kesenian dan warisan serta persatuan yang berkaitan "Industri Kreatif". Dana khas ini untuk membolehkan persatuan-persatuan yang ada menjalankan program dan aktiviti tahunan mereka seperti menganjur dan menyertai seminar, bengkel, latihan, dialog, pertemuan, perbincangan, mesyuarat sama ada di dalam dan

PANEL yang menjayakan Dialog Karyawan dan Seniman itu.

luar negara, sama seperti yang diberikan atau diperuntukkan oleh kerajaan kepada persatuan atau badan-badan lain seperti Majlis Sukan atau Persatuan Sukan dan sebagainya di negeri atau di negara ini.

2. Meminta agar kerajaan mewujudkan dana penerbitan, pemasaran atau promosi [pameran-ekspos], untuk membolehkan persatuan karyawan, seniman dan juga pengusaha industri kreatif di negeri atau negara ini dapat menerbit, mempromosi dan memasarkan hasil-hasil karya terbitan mereka sama ada secara individu atau perastuan tanpa perlu bergantung kepada pihak penerbit swasta atau agensi kerajaan seperti Dewan Bahasa Dan Pustaka [DBP].

3. Meminta pihak kerajaan [khasnya DBP] mengkaji semula dasar dan polisi mereka dalam soal penerbitan dan latihan serta mewujudkan semula "Biaya Penerbitan" dan juga "Dana Bantuan khas" untuk persatuan, bagi membolehkan aktiviti atau kegiatan-kegiatan berbentuk latihan dan ilmiah

[seperti bengkel penulisan kreatif, bengkel penerbitan [editor] dan sebagainya, dapat dijalankan semula

di Sabah.

4. Meminta pihak kerajaan negeri mempertimbangkan "dana khas pembentukan" kepada syarikat-syarikat yang terlibat dalam industri kreatif bagi memulakan dan menjalankan perniagaan mereka dalam bidang berkaitan, dalam usaha memperkayakan dan melonjakkan lagi industri kreatif dan inovasi di negeri Sabah terutamanya dalam bidang penerbitan buku-buku kreatif, majalah, filem, fotografi, animasi, seni persembahan serta juga industri seni budaya dan warisan di negeri Sabah bagi memperkayakan hasil-hasil produk seperti Industri pembuatan gong, gabus, kulintangan, gendang, muzik bambu, biola, seruling dan sebagainya termasuk untuk membayai proses pendaftaran harta intelek [IP] para karyawan dan seniman dengan pihak berwajib.

5. Mencadangkan agar sebuah 'Kolej Akademi Seni Dan Warisan' di tubuhkan negeri Sabah – untuk pengajian di

peringkat sijil dan diploma, bagi membimbing dan melatih para karyawan dan seniman secara terancang dan berterusan ke arah meningkatkan lagi profesionalisme mereka.

6. Meminta pihak Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah [LKS] serta Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negera-Sabah mempertimbangkan untuk menjadikan 'Kompleks JKKNS' serta LKS sebagai "Pusat Kegiatan Kebudayaan, Kesenian dan Warisan" dan membenarkan persatuan-persatuan

kebudayaan dan kesenian sedia

ada mendapat 'akses' secara percuma [tanpa dikenakan bayaran] memandangkan

persatuan-persatuan yang sedia

tidak mempunyai dana bagi

membayai penggunaan tempat

serta kemudahan-kemudahan di tempat berkenaan.

Lebih 50 penulis hadir dalam dialog karyawan dan seniman yang julung kalinya diadakan itu. Antara ahli panel yang memberikan sumbangan pemikiran mereka ialah Ketua Satu Ikatan Penulis Sabah (IPS), Sukor Haji Usin, seorang penulis yang juga tokoh korporat, Dato' Seri Jenar Lamdah, Pensyarah UMS, Suhaimi Magi yang juga seorang koreografer terkenal tanahair dan Pengurus Karya Agung, Junaidi

Jumaat.

Dato' Seri Jenar dalam reaksinya selepas acara dialog itu menyifatkan program itu diadakan tepat pada masanya, sebagai salah satu wadah perjuangan penulis dan penggiat seni untuk menghasilkan dan menerbitkan karya-karya mereka.

"Terlalu banyak bahan-bahan dan karya seni yang ada di Sabah yang boleh

diketengahkan di peringkat nasional untuk mendapatkan khalayak yang lebih luas," katanya.

Beliau berharap kerajaan dapat membantu persatuan-persatuan penulis merealisasikan cita-cita dan matlamat perjuangan mereka. Beliau juga mengucapkan tanniah kepada Laliman Ahmad dan Persatuan Kreativiti dan Inovasi yang menjadi penggerak utama program itu.

